

22 NOV 1997

DAP SAMBUT BAIK PENUBUHAN NEAC

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- DAP hari ini menyambut baik cadangan penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) dan menyifatkannya sebagai langkah penting dalam membantu mengatasi krisis ekonomi.

"DAP mengalu-alukan cadangan penubuhan NEAC sebagai langkah penting untuk membantu krisis ekonomi kerana Belanjawan 1998 telah gagal menahan nilai ringgit dan pasaran saham daripada terus jatuh," kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengumumkan penubuhan NEAC Khamis lepas berkata majlis itu akan menasihatkan kerajaan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani kesan ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Majlis itu yang akan ditubuhkan bulan depan akan turut dianggotai mereka yang terbabit dalam bidang pembuatan, perbankan, pinjaman dan eksport.

Lim berkata NEAC juga perlu bertindak sebagai forum mendengar semua pendapat terutama mengenai bagaimana untuk mengekalkan keyakinan para pelabur. -- BERNAMA

WNZ RHM RON